

Kertas 1

4.1 British Military Administration

- 1 Pentadbiran berikut diperkenalkan di Tanah Melayu selepas kekalahan Jepun.

Tarikh	Pentadbiran
12 September 1945	British Military Administration (BMA)

Mengapakah penubuhan pentadbiran ini penting?

BT m.s. 94 TP2 ARAS: S K10N SPM 2021

- A Mewujudkan keamanan
- B Memulihkan ekonomi tempatan
- C Menjaga keselamatan penduduk
- D Meningkatkan taraf hidup penduduk tempatan

- 2 British Military Administration (BMA) gagal mencapai matlamatnya untuk memulihkan sosioekonomi penduduk tempatan selepas pengunduran Jepun. Apakah punca kegagalan tersebut?

BT m.s. 95 TP2 ARAS: S

- A Kegagalan komunikasi
- B Kekurangan sumber kewangan
- C Peningkatan tentangan komunis
- D Kesukaran membawa masuk teknologi dan mesin

4.2 Gagasan Malayan Union

- 3 Melalui pembentukan Malayan Union, British berhasrat golongan imigran dapat membantu meningkatkan ekonomi Tanah Melayu. Bagaimanakah hasrat tersebut dapat direalisasikan?

BT m.s. 96 TP2 ARAS: S

- A Memupuk semangat cintakan tanah air
- B Membekalkan sumber tenaga kerja berterusan
- C Membangunkan sosioekonomi golongan imigran
- D Memberikan layanan sama rata tanpa mengira bangsa

- 4 Jadual berikut menunjukkan pegawai British yang terlibat dalam penyerahan negeri kepada kerajaan British.

Pegawai	Negeri
Gerard T. MacBryan	Sarawak
Harold MacMicheal	Tanah Melayu

Apakah tugas yang dipertanggungjawabkan kepada kedua-dua pegawai tersebut?

- A Merangka perlembagaan Malayan Union
- B Melumpuhkan gerakan yang menentang
- C Mendapatkan persetujuan daripada pemerintah tempatan
- D Meninjau pandangan penduduk tempatan tentang penyerahan negeri

4.3 Reaksi Penduduk Tempatan terhadap Malayan Union

- 5 Senarai berikut menunjukkan akhbar-akhbar tempatan yang menyuarakan bantahan terhadap pengisytiharan Malayan Union.

BT m.s. 102 TP4 ARAS: S

- Majlis (Kuala Lumpur)
- Utusan Melayu (Singapura)
- Warta Negara (Pulau Pinang)

Apakah bentuk bantahan yang disarankan oleh akhbar-akhbar tersebut?

- A Menyeru orang Melayu berkabung
- B Menghantar wakil ke Parlimen British
- C Mengadakan perhimpunan besar-besaran
- D Mensabotaj majlis pengisytiharan Malayan Union

- 6 Pertubuhan-pertubuhan Melayu dihidupkan semula sebagai tindak balas membantah Malayan Union.

Apakah peranan pertubuhan tersebut?

BT m.s. 103 TP4 ARAS: S

- A Menganjurkan rapat umum
- B Menghantar telegram ke London
- C Melancarkan revolusi bersenjata
- D Mengemukakan kes ke Mahkamah Tinggi England

- 7 Penentangan gagasan Malayan Union di peringkat kebangsaan dibuat melalui Kongres Melayu yang berlangsung dari 1 Mac hingga 4 Mac 1946.

Apakah keputusan yang dicapai melalui kongres tersebut?

- A Pembubaran Malayan Union
- B Penangguhan pelaksanaan Malayan Union
- C Penubuhan United Malays National Organisation
- D Pembentukan parti politik yang melibatkan Raja-raja Melayu

- 8 Senarai berikut menunjukkan tempat berlakunya rapat umum secara besar-besaran menentang Malayan Union.

BT m.s. 106 TP4 ARAS: T

- Perkarangan Istana Alam Shah, Selangor
- Padang Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur
- Padang Francis Light School, Pulau Pinang

Siapakah yang menganjurkan bantahan tersebut?

- A Kongres Melayu
- B Persatuan Melayu Selangor
- C United Malays National Organisation
- D Pergerakan Melayu Semenanjung Johor

4.4 Penyerahan Sarawak kepada Kerajaan British

- 9 Desakan kerajaan British terhadap Vyner Brooke telah membawa kepada penyerahan Sarawak kepada British. Mengapakah British begitu berminat untuk menguasai Sarawak? **BT m.s. 107 TP3 ARAS: R**
- A Memulihkan keamanan
 - B Kepentingan pelaburan
 - C Melancarkan pentadbiran
 - D Mengukuhkan pertahanan
- 10 Kerajaan British menghantar dua orang ahli parlimennya untuk meninjau pandangan penduduk Sarawak tentang penyerahan Sarawak kepada British. Apakah keputusan yang dibuat hasil tinjauan tersebut? **BT m.s. 108 TP3 ARAS: S**
- A Sarawak kekal menjadi negeri naungan British
 - B Sarawak menjadi tanah jajahan British secara rasmi
 - C Majlis Negeri tidak bersetuju menyerahkan Sarawak kepada British
 - D Penyerahan Sarawak ditangguhkan berikutan berlakunya penentangan

4.5 Reaksi Penduduk Tempatan terhadap Penyerahan Sarawak

- 11 Pengisytiharan penyerahan Sarawak oleh Vyner Brooke kepada British telah mendapat tentangan hebat daripada pemimpin dan penduduk Sarawak. Mengapakah mereka menentang penyerahan tersebut? **BT m.s. 109 TP4 ARAS: R**
- I Bercanggah dengan Perlembagaan 1941
 - II Hak untuk berkerajaan sendiri dinafikan
 - III Pemimpin tempatan kehilangan pengaruh
 - IV Bangsa asing mendapat hak sama rata dengan peribumi
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 12 British telah mengeluarkan Pekeliling No. 9 yang melarang kakitangan awam menyertai gerakan antipenyerahan Sarawak. **BT m.s. 110 TP4 ARAS: R**
- Apakah tindak balas kakitangan awam terhadap pekeliling tersebut?
- A Melancarkan demonstrasi
 - B Menganjurkan kongres bantahan
 - C Meletakkan jawatan beramai-ramai
 - D Memusnahkan bangunan kerajaan British
- 13 Maklumat berikut menerangkan tindakan British terhadap gerakan antipenyerahan di Sarawak. **BT m.s. 112 TP4 ARAS: S**

- Pengharaman persatuan antipenyerahan
- Menjatuhkan hukuman mati kepada pemimpin Kumpulan Rukun 13

Mengapakah British bertindak sedemikian?

- A Pembunuhan Duncan Stewart
 - B Gerakan antipenyerahan bertambah kuat
 - C Arahan daripada kerajaan British di London
 - D Sokongan daripada pemimpin yang pro-British
- 14 Pertubuhan berikut mempunyai matlamat berbeza dengan pertubuhan antipenyerahan Sarawak yang lain. **BT m.s. 113 TP4 ARAS: S**
- Young Malay Association (YMA)
- Apakah yang diperjuangkan oleh pertubuhan tersebut?
- A Bekerjasama dengan British mentadbir Sarawak
 - B Menyokong British demi kemajuan orang Melayu
 - C Memperjuangkan perpaduan kaum bumiputera Sarawak
 - D Membangkitkan kesedaran nasionalisme penduduk Sarawak

4.6 Penyerahan Sabah kepada Kerajaan British

- 15 Satu perjanjian telah dimeterai oleh British dengan Syarikat Borneo Utara British (SBUB) pada 26 Jun 1946. Apakah kesan perjanjian tersebut terhadap Sabah? **BT m.s. 114 TP3 ARAS: S**
- A Sabah menjadi negeri naungan British
 - B Sabah akan ditadbir oleh Gabenor British
 - C Sabah akan mendapat kemerdekaan daripada British
 - D Sabah dan Sarawak digabungkan dalam satu unit pentadbiran
- 16 Mengapakah Syarikat Borneo Utara British (SBUB) menyerahkan Sabah kepada British? **BT m.s. 115 TP3 ARAS: R**
- A Penduduk Sabah mahukan pentadbiran British
 - B Kekurangan dana untuk membangunkan Sabah
 - C Desakan British untuk menyatukan Sabah dengan Sarawak
 - D Pentadbiran SBUB mendapat tentangan penduduk peribumi

4.7 Reaksi Penduduk Tempatan terhadap Penyerahan Sabah

- 17 British berjaya mendapatkan Sabah dengan mudah tanpa sebarang penentangan daripada penduduk tempatan. Mengapakah keadaan tersebut berlaku? **BT m.s. 116 TP4 ARAS: S**
- I British menjaga kebajikan penduduk
 - II Perbezaan etnik menyukarkan penyatuan
 - III British memberi tekanan kepada kesedaran politik
 - IV Penduduk tempatan diberi peluang dalam pentadbiran
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

